

03/08/1998

Matlamat Selangor RM10 juta

SEPANG, Ahad - Kerajaan Selangor meletakkan sasaran untuk mengumpul di antara RM6 juta dan RM10 juta untuk disumbangkan kepada Dana Khas Negara sebagai sebahagian daripada usaha kearah pemulihan ekonomi negara.

Pengerusi Dana Khas Negeri, Datuk Mohd Sharif Jajang, berkata untuk mencapai matlamat itu semua persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), masjid, sekolah, perkumpulan dan individu disaran mengambil daya usaha menyumbang seberapa ikhlas sebagai simbol pengorbanan kepada negara.

Menurutnya, jika rakyat Selangor yang seramai lima juta menyumbang RM1 seorang, bermakna RM5 juta dapat dikumpulkan dan sekali gus menunjukkan keprihatinan penduduk negeri ini terhadap masalah yang dihadapi negara.

Beliau berkata, golongan korporat di negeri ini juga disaran menyumbang kepada Dana Khas Negara selain daripada kutipan orang ramai melalui masjid, sekolah dan persatuan.

"Kutipan mingguan pada Jumaat juga boleh disalurkan kepada Dana Khas Negara. Sumbangan boleh terus diberikan kepada kerajaan negeri atau pegawai daerah masing-masing," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, serentak itu, semua jentera daerah disaran mengambil daya usaha mengumpul sumbangan ikhlas daripada pelbagai pihak untuk disalurkan kepada kerajaan negeri.

Mohd Sharif berkata, semua sumbangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan melakukan lawatan rasmi ke Selangor 25 Ogos depan.

"Daerah Sepang akan mendahului kutipan Dana Khas Negeri peringkat Selangor dengan menyumbang sebanyak RM500,000," katanya.

Menurut beliau, pada masa yang sama kesedaran orang ramai terhadap masalah yang dihadapi negara akan ditingkatkan melalui pelbagai saluran penerangan termasuk khutbah Jumaat.

"Selama ini negara terlalu banyak menyumbang kepada rakyat tetapi inilah kali pertama rakyat menyumbang kepada negara.

"Walaupun kutipan tidak banyak tetapi ia sudah memadai sebagai simbol pengorbanan yang besar terhadap negara," katanya.

(END)